



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NSC 2026 PERKUKUH ASAS SAINS KE ARAH MASA DEPAN MALAYSIA YANG BERDAYA TAHAN DAN INKLUSIF

SELANGOR, 7 SEPTEMBER 2026 – Pertandingan Akhir Cabaran Sains Kebangsaan 2026 Piala Pusingan YAB Perdana Menteri anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) hari ini menghimpunkan lima sekolah terbaik negara, sekali gus menandakan kemuncak pertandingan yang bermula sejak Februari lalu dalam usaha memupuk minat, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan generasi muda.

Pertandingan Akhir Cabaran Sains Kebangsaan 2026 Piala Pusingan YAB Perdana Menteri telah disempurnakan oleh YB Datuk Chang Lih Kang Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi mewakili Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Cabaran Sains Kebangsaan (NSC) 2026, iaitu Juara kepada SM Tshung Tsin Sabah, Sabah; Naib Juara kepada SMK Tsung Wah, Perak; Tempat Ketiga kepada SMK Agama Jerlun, Kedah; Tempat Keempat kepada SMK Desa Petaling, W.P. Kuala Lumpur; dan Tempat Kelima kepada SMK Tapu, Terengganu. Turut disampaikan ialah Anugerah Peserta Terbaik Peringkat Awal kepada Foo Xylin dari SMK Chung Hwa, Kelantan serta Anugerah Komunikator STEM Terbaik kepada Lakshanyaa A/P Manevannan dari SMK Convent (M) Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Bertemakan “**Memantapkan Asas Sains untuk Masa Depan yang Berdaya Tahan dan Inklusif**”, NSC 2026 memberi penekanan kepada kepentingan membina asas sains sejak di bangku sekolah agar generasi muda bukan sahaja memahami ilmu, malah mampu menggunakannya untuk menilai, menyesuaikan diri dan mencari penyelesaian kepada cabaran kehidupan seharian.

YB Datuk Chang Lih Kang berkata “Pendidikan sains tidak boleh terhenti pada hafalan formula dan pencapaian peperiksaan. Sains mesti membentuk cara kita berfikir, kritikal terhadap fakta, terbuka terhadap idea, berani mencuba dan jujur apabila sesuatu percubaan itu tidak berjaya.”

Tambah beliau, “Usaha memperkukuh pendidikan STEM mesti menjadi usaha bersama. Kerajaan, sekolah, universiti, industri dan komuniti perlu memastikan bakat muda bukan sahaja dikenal pasti, tetapi terus dibimbing dan diberikan ruang untuk berkembang.”

Sementara itu, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, Presiden Akademi Sains Malaysia yang juga Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Perdana Menteri dan Negara berkata, minat terhadap STEM perlu dipupuk sejak usia muda bagi melahirkan generasi yang mempunyai sifat ingin tahu, keberanian untuk mencuba serta keupayaan menggunakan ilmu dalam menyelesaikan masalah

“NSC telah berkembang daripada sebuah kuiz sains kepada platform yang menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, mengaplikasikan pengetahuan dan menggunakan kreativiti untuk menyelesaikan cabaran. Inilah asas yang perlu dibina sekiranya kita mahu melahirkan masyarakat berilmu yang bersedia menghadapi perubahan dan cabaran pada masa hadapan,” katanya.

ASM telah menganjurkan NSC sejak 1999 dan sepanjang tempoh tersebut, pertandingan ini telah berkembang menjadi salah satu pertandingan sains peringkat kebangsaan yang melibatkan pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 4 di seluruh negara. Untuk rekod, NSC 2026 mencatatkan penyertaan tertinggi dalam sejarah penganjurannya dengan 18,671 pasukan melibatkan 56,013 pelajar, termasuk penyertaan daripada 246 sekolah luar bandar. Daripada jumlah tersebut, 100 pasukan mara ke Peringkat Negeri sebelum 16 pasukan dipilih untuk mengikuti Kem Sains.

Sepanjang Kem Sains, peserta menjalani sesi persediaan dan pementoran secara dalam talian sebelum mengikuti aktiviti yang memberi pendedahan kepada penyiasatan sains, kerjaya serta pengaplikasian STEM. Peserta turut dibimbing oleh saintis daripada Young Scientists Network (YSN-ASM), selain mengikuti siri webinar dan sesi perkongsian ilmu.

NSC 2026 dilaksanakan dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Manakala konsep dan kandungan dibangunkan oleh e-estidotmy dan Young Scientists Network (YSN-ASM). Program ini turut dijayakan oleh rakan-rakan strategik iaitu TalentCorp Malaysia, Agensi Angkasa Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Carolina Science, Institut Kesihatan Negara (NIH), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jenawi Saintifik Sdn. Bhd., Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Pusat Latihan Kenegaraan, Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Sasbadi Sdn. Bhd. serta Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

7 SEPTEMBER 2026



Imbas Kod QR untuk mengakses kit media:



Pertanyaan media:
Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

Siti Sarah Abd Rahman
siti.sarah@akademisains.gov.my
(+6011-1142 5446)